

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada cadangan untuk menyekat pekerja sekuriti yang beragama Islam daripada bekerja di premis-premis judi dan kasino bagi menjaga sensitiviti dan kesucian agama Islam.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa perundangan Islam termasuk isu orang Islam berjudi terletak di bawah bidang kuasa Negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Sebagai contoh, seksyen 18 (1) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997) [Akta 559] memperuntukkan larangan terhadap orang-orang Islam berjudi

atau berada di rumah judi. Mana-mana orang Islam yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.